

PM lancar program hijaukan dunia

B.H 28 APR 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Malaysia hari ini melancarkan "Inisiatif Penghijauan Dunia", dokumen yang merangkumi program bertindak dengan mengemukakan dua cabaran utama, khususnya kepada negara membangun dalam pemeliharaan alam sekitar.

Dua cabaran itu ialah menetapkan matlamat jelas untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida dan memastikan 30 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau pada akhir abad ini.

Program itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serentak dengan majlis perasmian Persidangan Kedua Menteri Negara-Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, di sini hari ini.

Ia menggariskan cabaran berasaskan prinsip pencegahan untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida melalui penggunaan bahan bakar dengan lebih berkesan.

Inisiatif itu mencadangkan penubuhan Tabung Penghijauan Sedunia yang akan membiayai semua program ke arah memastikan 30 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau akhir abad ini.

Dokumen Inisiatif

Penghijauan Dunia akan dikemukakan ke Sidang Kemuncak Bumi (Unced) di Rio, Jun ini.

Ia menyebut, ketika ini 27.6 peratus permukaan bumi diliputi tumbuhan hijau. Oleh itu, Malaysia yakin matlamat 2.4 peratus sehingga tahun 2000, yang memerlukan peningkatan 0.3 peratus setahun, boleh dicapai jika program itu mendapat kerjasama negara maju.

Pada masa ini, kawasan Oceania secara keseluruhan, Amerika Tengah, Amerika Selatan, Afrika, Russia dan Asia Tenggara mempunyai 30 peratus penghijauan.

Bagaimanapun, negara maju seperti Denmark hanya 11 peratus, Perancis (25 peratus), Ireland (5 peratus), Itali (22 peratus), Belanda (9 peratus), Norway (26 peratus), Switzerland (24 peratus), Amerika Syarikat (21 peratus) dan United Kingdom (8 peratus).

Menurut program itu, penubuhan Tabung Penghijauan Dunia, di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh menjadi contoh kerjasama sedunia bagi menghadapi masalah pemanasan dunia.

Tabung berkenaan boleh dimulakan dengan sumbangan kewangan daripada negara yang belum

mencapai matlamat 30 peratus. Jika sesebuah negara itu gagal mencapai matlamat tahunannya pada peringkat kebangsaan, ia patut menyumbang sejumlah wang bagi membolehkan negara lain menanam tumbuhan hijau bagi keluasan sama.

Cara lain bagi membiayai tabung itu ialah melalui sumbangan kewangan daripada setiap negara mengikut matlamat penghijauan antarabangsa dan juga pengiraan keseimbangan karbon.

Mengikut cara ini, negara yang mengeluarkan karbon dioksida melebihi kadar yang ditetapkan perlu membayar sejumlah wang yang dipersetujui bersama dengan tujuan "menseimbangkan akaun karbon" mereka.

Bagaimanapun, cadangan penghijauan dunia tidak akan menjejaskan hak sesebuah negara terhadap pembangunan hutan.

Walaupun matlamat 30 peratus dicadangkan bagi negara lain, Malaysia sendiri bersedia menetapkan matlamatnya pada tahap yang lebih tinggi.

Dr Mahathir ketika melancarkan program itu mengumumkan Malaysia akan mengekalkan 50 peratus kawasan hijau sebagai membuktikan komitmen negara terhadap penghijauan dunia.